
HARTA TIDAK DITUNTUT: PUNCA DAN KAEDAH PENYELESAIANNYA

Unclaimed Property: Factors And Solutions

^{1*}Nik Rahim Bin Nik Wajis, ¹Lukman Bin Abdul Mutalib, ¹Azman Ab. Rahman,
¹Mualimin Mochammad Sahid, ¹Nik Salida Suhaila Binti Nik Saleh, ¹Mohd
Hazmi Bin Mohd Rusli, ¹Mahmoud Mohamed Ali, ¹Muneer Ali Abdul Rab-
¹Setiyawan Bin Gunardi, ¹Mariam Saidona Tagoranao, ¹Muhammad
Aunurrochim Bin Mas'ad Saleh, ¹Lukmanul Hakim Bin Hj Hanafi, ¹Atiq
Syamimi Binti Ahmad

¹Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai

*(Corresponding author) email: drnikrahim@usim.edu.my

ABSTRAK

Harta pusaka yang tidak dituntut atau harta 'pusaka beku' sudah sekian lama menjadi masalah kepada masyarakat dan ianya menjadi semakin kronik sejak akhir-akhir ini ekoran jumlah kes yang semakin meningkat pada setiap tahun. Akibat dari itu maka timbullah pelbagai isu yang memberi kesan yang amat negatif kepada pihak-pihak yang terlibat khususnya ahli waris. Terdapat banyak faktor serta punca yang membawa kepada berlakunya keadaan ini; antaranya sikap acuh tidak acuh atau sambil lewa masyarakat dalam pengurusan harta pusaka milik mereka. Selain itu, ketidakfahaman masyarakat tentang kaedah dan cara serta prosedur yang perlu dilakukan untuk menguruskan harta pusaka juga merupakan faktor penyumbang kepada berlakunya isu harta pusaka yang tidak dituntut semakin bertambah di Malaysia. Keadaan ini tidak boleh dibiarkan dan perlu dicari kaedah dan mekanisma dalam menyelesaikan kemelut ini dari terus berlarutan. Artikel ini akan menfokuskan kepada perbincangan tentang punca-punca mengapa berlakunya isu harta yang tidak dituntut ini serta kaedah yang boleh diaplikasikan bagi membantu menyelesaikan dan mengurangkan masalah dalam isu harta yang tidak dituntut ini.

Kata kunci: *Harta tidak dituntut, harta beku, harta pusaka, pengurusan harta dalam Islam.*

ABSTRACT

Unclaimed property or 'frozen heritage' has long been a problem for the community and it has become increasingly chronic due to the increasing number of cases each year. There are various issues that have very negative impact on the parties involved, especially the heirs. There are many factors that lead to this situation; among others the lack of seriousness of the community in managing their estate. In addition, the community's inadequacy about the methods and means and procedures to be undertaken to manage the estate is also a contributing factor to the occurrence of unclaimed estate issues growing in Malaysia. This situation cannot be ignored and the mechanisms must be sought in resolving this crisis from continuing. This article will focus on discussions about the causes for the issue of this unclaimed property as well as the applicable methods to assist in solving and mitigating the issues in this unclaimed property issue.

Keywords: *Unclaimed property, frozen property, estate, property management in Islam.*

1.0. PENGENALAN

Isu harta yang tidak dituntut ini bukan lagi boleh dianggap sebagai isu peribadi atau perseorangan bahkan ianya boleh dianggap sebagai isu negara. Peningkatan jumlah harta atau aset yang tidak dituntut saban tahun amatlah membimbangkan. Menurut laporan Utusan Malaysia pada 30 Mac 2016, dianggarkan kira-kira RM60 bilion aset yang terdiri daripada hartanah seperti rumah dan tanah serta wang dari pelbagai institusi kewangan masih tidak dituntut oleh rakyat negara ini.

Jumlah sebesar ini jika sekiranya dapat dicairkan pastinya dapat membantu meningkatkan ekonomi negara. Namun kegagalan melakukan tindakan segera pastinya akan menambahkan lagi permasalahan dan sekaligus akan menjejaskan ekonomi dan pembangunan negara.

Fokus artikel ini adalah untuk membincangkan punca-punca yang menyebabkan timbulnya isu harta yang tidak dituntut dan mencadangkan beberapa kaedah penyelesaian yang dianggap boleh membantu dalam mengurangkan masalah dalam isu harta yang tidak dituntut ini.

2. PUNCA-PUNCA BERLAKUNYA HARTA YANG TAK DITUNTUT

Terdapat banyak faktor atau sebab yang membawa kepada berlakunya isu harta yang tidak dituntut. Ianya boleh dibahagikan kepada beberapa faktor:

i. Faktor Kesedaran

Kurangnya kesedaran masyarakat dalam membuat perancangan kewangan mereka dikira sebagai salah satu punca yang mendorong kepada timbulnya isu harta yang tidak dituntut. Sehubungan itu, kesedaran tentang betapa pentingnya membuat perancangan awal mengenai pengagihan harta sebelum meninggal dunia adalah amat penting supaya para waris tidak menghadapi masalah menguruskan pembahagian harta peninggalan tersebut (Anon 2005). Tidak dapat dinafikan bahawa hukum faraid sememangnya sudah digariskan dalam Islam sebagai suatu cara pembahagian harta pusaka si mati (Rusnadewi Abdul Rashid & Noor Inayah Yaakub 2010), namun sebenarnya secara praktikalnya, pelaksanaan hukum ini tidaklah semudah yang disangkakan. Ini adalah kerana proses penyelesaian pusaka yang dibuat biasanya akan memakan masa kerana melibatkan proses di beberapa badan tertentu serta memerlukan komitmen yang tinggi bagi waris-waris untuk menguruskannya. Justeru itu, pengurusan harta peninggalan sering mengalami kesulitan dan berhadapan dengan kesukaran untuk diagihkan kepada waris-waris yang sepatutnya. Secara amnya, kita dapat lihat faktor yang menyumbang kepada isu ini melibatkan pelbagai pihak.

ii. Faktor Sosial

Faktor sosial juga salah satu faktor utama yang menyebabkan peningkatan aset pusaka yang belum di tuntutan di Malaysia. Isu

kelewatan pengurusan permohonan pusaka sering terjadi di kalangan masyarakat. Adat kebiasaan masyarakat luar bandar adalah tidak menyegerakan permohonan pusaka, terutama bila ia melibatkan aset tidak alih sehingga berlakunya kematian berlapis. Perkara ini berlaku disebabkan oleh sikap individu dan masyarakat itu sendiri. Sikap suka berleengah dan mengambil mudah sudah menjadi adat kebiasaan masyarakat melambatkan dan mengambil mudah terhadap permohonan pembahagian aset pusaka si mati, terutama bagi masyarakat yang sering berdepan dengan stigma ‘tanah kubur masih merah sudah mahu menuntut’, iaitu menunjukkan pembahagian pusaka tidak perlu disegerakan. Sikap tidak bersegera dan melambatkan pembahagian pusaka merupakan satu daripada punca pembahagian pusaka dilewatkan.

Secara amnya, kebanyakan masyarakat Islam telah mengetahui bahawa harta pusaka perlu dibahagikan mengikut hukum faraid selepas kematian seseorang individu itu terjadi. Masyarakat Islam sekarang beranggapan bahawa perancangan awal dalam pengurusan pembahagian harta tidak perlu dilakukan semasa hidup ekoran daripada wujudnya perlaksanaan hukum faraid yang telah disyariatkan dalam Islam (Wan Suraya Wan Hassin, Wan Shahzinda Shah Shahar dan Umami Munirah Syuhada Mohamad Zan 2016).

Tanggapan ini haruslah diubah kerana ekoran daripada pemikiran masyarakat yang sebegini. Jumlah harta pusaka beku semakin meningkat (Buang A.H 2009). Di samping itu, anggapan sedemikian rupa juga akan menyebabkan waris-waris yang akan menanggung segala permasalahan yang timbul yang berkaitan dengan tuntutan dan pengurusan harta pusaka yang ditinggalkan oleh pemilih harta tersebut.

Selain itu juga, masalah dalam pembahagian harta pusaka ini akan timbul apabila pemilik harta mengambil remeh tentangnya dengan tidak memaklumkan kepada ahli waris tentang harta yang dimiliki sehingga menyebabkan ahli waris tersebut tidak mengetahui akan kewujudan harta pusaka yang ditinggalkan itu. Lebih parah lagi, apabila pemilik harta tidak mengambil berat tentang hal-hal yang

berkaitan dengan dokumen pemilikan tanahnya yang mana akan menyebabkan timbulnya permasalahan di kemudian hari. Sebagai contoh, ekoran daripada kehilangan dokumen pemilikan tanah, ia akan menyebabkan kesukaran dalam menentukan sempadan tanah sekiranya berlaku pertindihan sempadan, hal ini kerana pemilikan tanah itu kelihatan tidak jelas bila tiadanya dokumen pemilikan tanah tersebut (Md Yusof N 2008). Bukan itu sahaja, kesan daripada kehilangan dokumen pemilikan tanah tersebut boleh menyebabkan ahli-ahli waris sukar untuk mengenalpasti tanah yang perlu dibahagikan dan sukar untuk membuktikan kewujudan tanah tersebut ketika menfailkan tuntutan harta pusaka di Pejabat Tanah, Mahkamah Sivil atau Amanah Raya Berhad (Abdul Rashid R. & Yaakub N.I 2010).

Selain daripada faktor pemilik harta, faktor-faktor yang disumbangkan oleh pihak waris juga memberi kesan yang besar terhadap peningkatan harta pusaka yang tidak dituntut ini. Hal ini adalah kerana, hanya ahli waris sahaja yang boleh menuntut dan menguruskan segala harta pusaka yang ditinggalkan. Oleh yang demikian, sekiranya pihak waris gagal dalam menyelesaikan harta pusaka ini, ia akan menambahkan lagi harta pusaka yang tidak dituntut dan terbeku (Wan Suraya Wan Hassin, Wan Shahzinda Shah Shahar & Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan 2016). Sikap yang suka bertangguh dan mengambil mudah dalam kalangan ahli waris serta sikap memandang rendah dan remeh tentang isu yang berkaitan dengan pengurusan harta pusaka turut menyumbang dalam peningkatan harta pusaka yang tidak dituntut. Mereka menganggap bahawa isu harta pusaka ini bukanlah isu yang sensitive yang perlu dibincangkan (Ahmad M.Y. & Laludin H 2010). Tambahan lagi, sikap suka bergantung harap kepada pihak tertentu seperti kakak atau abang sulung untuk menguruskan harta pusaka juga menambah buruk terhadap permasalahan ini (Ahmad M.Y. & Laludin H 2010).

Masalah kelewatan dalam pengurusan pembahagian pusaka ini juga berpunca kerana tiadanya sikap tolak ansur dalam kalangan ahli waris dan menyebabkan berlakunya perselisihan faham antara mereka dan menyebabkan berlakunya perbalahan yang mana secara tidak langsungnya menyukarkan proses permohonan pembahagian harta pusaka kerana tiadanya kerjasama antara

mereka. Sikap ini timbul daripada sifat tamak ahli waris yang ingin membolot semua harta simati dan menginginkan bahagian yang lebih (Md Yazid Ahmad & Hayatullah Laluddin 2010). Isu perbalahan antara ahli waris ini telah banyak ditayangkan di dada-dada akhbar dan televisyen yang berpunca daripada rasa tidak puas hati terhadap bahagian yang diperolehi dalam pusaka.

Perebutan dalam harta pusaka di kalangan ahli waris inilah yang akan mencetuskan perbalahan antara mereka. Sebagai contoh, perebutan tanah yang kecil yang perlu di agihkan mengikut hukum faraid seperti yang disyariatkan dalam Islam dan dalam menentukan siapakah antara mereka yang paling layak untuk diberikan kuasa bagi menguruskan dan menuntut harta pusaka tersebut (Wan Suraya Wan Hassin, Wan Shahzinda Shah Shahar & Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan 2016). Ketiadaan sikap tolak ansur dan mementingkan diri sendiri ini menyebabkan kelewatan dalam pembahagian harta pusaka, contohnya mereka memilih untuk bertindak dengan tidak menghadirkan diri semasa perbincangan bagi pembahagian harta pusaka dan juga dengan sengaja menghilangkan dokumen-dokumen penting yang berkaitan dengan aset pusaka si mati.

Permasalahan juga akan timbul apabila ada di kalangan ahli waris yang telah lama hilang dan waris-waris yang tidak diketahui kewujudannya, contohnya seperti anak-anak daripada bekas suami atau isteri, bertambah lagi masalah apabila tiadanya bukti perwarisan seperti surat nikah dan sijil surat beranak (Buang A.H 2009). Peningkatan dalam harta pusaka yang tidak dituntut juga boleh terjadi ekoran daripada sikap tamak yang wujud dalam kalangan ahli waris (Ahmad M.Y. & Laludin H 2010). Selain dari itu juga, sudah menjadi satu kebiasaan bagi masyarakat luar bandar dalam menangguhkan dan tidak menyejatkan permohonan dalam pengurusan harta pusaka yang melibatkan yang mana mereka merasakan tanah si mati tersebut masih boleh diusahakan oleh waris-waris terdekat walaupun masih belum diturunmilik, dan perkara ini dilakukan atas persetujuan bersama (Muhamad A 2006).

Sikap yang tidak bersegera dan melambatkan pembahagian pusaka adalah satu daripada punca pembahagian pusaka ini

dilewatkan bagi mengelakkan tuduhan negative dan pandangan serong pihak waris yang lain seperti dikatakan tamak, tidak berhati perut kerana berebut harta pusaka simati dan tidak sopan. Ekoran daripada itu, pihak waris akan terdorong untuk menanggukkan hajat dalam menyelesaikan pembahagian harta pusaka si mati sehingga memakan masa berbulan-bulan dan bertahun-tahun. Keadaan ini akan menyebabkan berlakunya kematian berlapis dalam kalangan ahli waris yang berhak menerima pusaka (Wan Saifuldin Wan Hasan 2010).

Sikap suka berlelah ini secara tidak langsungnya akan mengundang kepada kehilangan dokumen-dokumen penting si mati seperti sijil perkahwinan, dokumen penceraian, pertukaran agama, anak angkat, sijil kematian dan dokumen yang berkaitan dengan aset si mati seperti geran-geran serta liabilitinya. Semua maklumat berikut amat diperlukan di dalam proses permohonan pembahagian aset pusaka si mati dimana-mana agensi yang mempunyai bidang kuasa. Kegagalan dalam mengemukakan dokumen tersebut akan menyukarkan proses untuk mendapatkan perintah pembahagian (Bibi Nur Alida Zulkafli & Md Yazid Ahmad 2016).

Kelewatan dalam membuat permohonan pembahagian pusaka ini juga disebabkan dari sikap masyarakat yang mengambil mudah dan memandang remeh terhadap kepentingan pendokumentasian maklumat aset pusaka si mati kerana tiadanya komitmen dalam menguruskannya (Md Yazid Ahmad, Nor Yani Isa & Anuar Fakhri Omar 2014). Ekoran daripada itu, pembahagian harta pusaka si mati hanya dilakukan melalui persetujuan mulut di kalangan ahli waris tanpa mengubah dokumen asal hakmilik simati (Abdullah Muhamad 2007.). Keadaan ini hanya akan menimbulkan perselisihan faham dalam kalangan ahli waris kerana tiada sebarang dokumen pembuktian penurunan hakmilik harta simati diberikan kepada waris tersebut. Inilah yang menyebabkan pembahagian aset harta pusaka ditangguhkan sehingga bertahun-tahun lamanya.

Seterusnya, tidak dapat dinafikan bahawa kejahilan dalam kalangan ahli waris tentang ilmu berkaitan dengan pengurusan dan pembahagian harta pusaka juga punca yang menyumbang

kepada peningkatan harta pusaka beku yang tidak dituntut. Anggapan mereka bahawa pengurusan pembahagian harta pusaka ini yang rumit dan memerlukan kos yang tinggi adalah sebab proses ini dilewatkan (Abdullah Muhamad 2007). Kekurangan pengetahuan berkaitan dengan bidang kuasa dan prosedur permohonan pusaka juga turut menyebabkan kelewatan ini berlaku. Kebanyakan mereka hanya mendapat maklumat dari sumber yang tidak rasmi seperti buah mulut masyarakat sekeliling yang tiada kesahihan di dalamnya. Oleh yang demikian terdapat dalam kalangan ahli waris yang berduit hanya melantik peguam bagi pihak mereka untuk menguruskan hal ini, manakala bagi waris yang sederhana dan tidak mampu dalam melantik peguam akan memilih untuk berdiam diri dan tidak mengambil apa-apa tindakan.

Jelas di sini tuntutan terhadap kefahaman yang mendalam dalam pengurusan pembahagian harta pusaka dan ilmu faraid amatlah diperlukan bagi memudahkan, melancarkan dan mempercepatkan proses pengurusan pembahagian harta pusaka simati supaya dapat mengelakkan berlakunya peningkatan dalam harta pusaka yang tidak dituntut. Juga menjadi sesuatu yang penting bagi waris untuk membuat perancangan dalam pembahagian harta sebelum berlaku sesuatu kematian supaya tiada masalah yang akan dihadapi ketika menguruskan pembahagian harta pusaka (Mujani M.K, Wan Hussain W.M.H., Yaakub N.I. & Abdul Rashid R. 2011). Memang benar ia tidak menafikan hukum faraid sepertimana yang telah disyariatkan dalam Islam, namun perlaksanaannya dari sudut undang-undang khususnya di Malaysia tidaklah semudah yang disangka (Mujani M.K, Wan Hussain W.M.H., Yaakub N.I. & Abdul Rashid R. 2011). Perancangan harta ini hanya mampu dilakukan dengan cara apabila seseorang semasa hayatnya memperoleh, mengurus dan mengagihkan hartanya kepada waris-warisan mengikut budi bicara dan adil serta saksama. Di samping itu juga, ia akan membantu dalam mengawal, memantau dan memanfaatkan harta tersebut kepada penerima, dirinya sendiri dan juga pihak keluarga semasa hayat dan selepas kematian (Yaacob O. 2006)

iii. Faktor Petadbiran dan Perundangan

Pentadbiran pengurusan harta pusaka perlu dilihat bagi memastikan ia selaras dengan kehendak Islam bagi kepentingan masyarakat dan juga Negara. Hal ini kerana, ada yang mempertikaikan sistem pentadbiran harta pusaka di Malaysia dikatakan kurang berkesan sehingga menyebabkan tunggakan dalam harta pusaka yang berjumlah puluhan billion ringgit. Umumnya harta pusaka boleh dibahagikan kepada tiga, iaitu, pusaka kecil, pusaka besar dan pusaka ringkas. Ketiga-tiga jenis pembahagian harta ini berdasarkan kepada nilai harta yang ditinggalkan oleh si mati. Begitu juga undang-undang yang digunapakai dalam menguruskan pentadbiran ketiga-tiga jenis harta ini adalah berbeza. Bagi permohonan pembahagian harta pusaka kecil yang mana nilai harta hendaklah tidak melebihi RM2 juta, ia hendaklah di buat di Pejabat Tanah Jajahan negeri-negeri di Malaysia (Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955). Manakala bagi nilai harta yang melebihi RM2 juta, permohonan hendaklah dibuat di Mahkamah Tinggi Sivil dan pembahagian harta pusaka yang menentukan bahagian faraid diuruskan oleh Mahkamah Syariah (Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang 2006).

Sehubungan dengan itu, kewujudan berbagai-bagai bidang kuasa, secara tidak langsungnya telah menyebabkan orang awam merasakan ia amatlah rumit dan mengelirukan untuk menguruskan pembahagian harta pusaka ini. Lebih teruk lagi bagi mereka yang tinggal di pedalaman, mereka hanya mempunyai pengetahuan yang terbatas ekoran daripada kurangnya pendedahan tentang hal yang berkaitan dengan pengurusan harta pusaka (Azman Anuar 2010). Oleh itu, sistem pengurusan dan pembahagian harta pusaka ini menjadi kurang berkesan kerana ramai yang terkeliru ke mana seharusnya mereka mulakan permohonan pembahagian harta pusaka ini. Kesukaran inilah yang menyebabkan hilangnya motivasi diri dalam diri mereka untuk membuat dan menguruskan pengagihan harta pusaka dalam kalangan mereka.

Selain daripada itu, tempoh proses pengurusan pembahagian harta pusaka yang mengambil masa yang panjang dan lama

menyebabkan masyarakat tidak mempunyai dan hilang komitmen untuk meneruskan dan menguruskan proses pembahagian harta pusaka ini sehingga selesai. Masalah yang selalu di hadapi di bahagian pentadbiran apabila menguruskan pembahagian harta pusaka adalah ketidakhadiran pihak waris semasa perbicaraan yang menyebabkan perbicaraan terpaksa ditangguhkan pada suatu tarikh yang lain yang belum tentu pada tarikh tersebut pihak waris akan datang atau tidak. Kadang kala, maklumat yang dikemukakan oleh pemohon adalah tidak lengkap dan menyebabkan perintah mahkamah tidak dapat dikeluarkan. Malah ada juga kes yang mana pemohon gagal dalam mengemukakan perakuan faraid kerana tidak membuat permohonan di Mahkamah Syariah atau perintah mahkamah lambat dikeluarkan.

Masalah-masalah lain yang dihadapi dalam permohonan pembahagian harta pusaka seperti pemohon atau pihak waris tidak dapat mengeluarkan bukti kematian simati juga akan memanjangkan tempoh masa bagi menyelesaikan pembahagian harta pusaka tersebut (Hasbah Bakar 2006). Selain itu, fenomena kematian berlapis akan menyulitkan proses pembahagian harta pusaka dibuat (Hasbah Bakar 2006). Hal-hal sedemikianlah yang akan mendorong pihak waris untuk berputus asa dalam menguruskan pembahagian harta pusaka antara mereka ekoran daripada tempoh yang lama dan panjang untuk menyelesaikannya. Di samping itu, faktor kos perbelanjaan yang tinggi juga membantutkan usaha waris dalam meneruskan proses pembahagian harta pusaka ini (Othman Yaacob 2006).

KAEDAH PENYELESAIAN HARTA YANG TIDAK DITUNTUT

Kaedah penyelesaian kepada isu harta beku ini amatlah diperlukan bagi membantu dalam mengurangkan peningkatan aset pusaka yang belum dituntut sepertimana yang telah diperbincangkan dan dijelaskan di atas tadi. Jika dilihat kembali, sikap masyarakat adalah menjadi masalah utama atau punca utama yang perlu diselesaikan untuk menangani masalah dalam kelewatan pengurusan dan pembahagian aset pusaka. Sikap suka berlengah dan mengambil mudah serta memandang remeh dalam bab

pengurusan harta pusaka si mati perlu ditanggung melalui program-program kesedaran.

KESIMPULAN

Berdasarkan kupasan dan penjelasan di atas, kelewatan dalam pengurusan aset pusaka orang Islam dapat mejurus kepada peningkatan jumlah harta pusaka yang tidak dituntut, khususnya bagi aset pusaka tak alih, ia adalah disebabkan oleh dua keadaan, iaitu kekangan dari segi perundangan dan pentadbiran, dan masalah sosial yang timbul dalam masyarakat. Setiap perundangan yang digubal mempunyai tujuannya yang tersendiri demi mengharmonikan kepentingan masyarakat dan negara, namun tidak dapat dinafikan ia menyekat dan menghalang serta mengekang kelancaran sesuatu pengurusan dan pentadbiran yang dilaksanakan, khususnya dalam pembahagian harta pusaka si mati. Walau bagaimanapun, kekangan dan sekatan ini dapat diselesaikan dengan caranya yang tersendiri, iaitu bersesuaian dengan kehendak perundangan tersebut.

Masalah sosial pula merupakan masalah yang utama yang menyebabkan kelewatan permohonan pembahagian pusaka si mati seterusnya memberi kesan kepada peningkatan jumlah harta pusaka beku yang tak dituntut. Hal ini memandangkan sekiranya para waris mempunyai pengetahuan dan memiliki sifat-sifat murni seperti mementingkan pembahagian pusaka, bertanggungjawab, tidak tamak, bertolak ansur, bekerjasama dan tidak malu bertanya kepada pihak yang berwajib dan bertanggungjawab, sudah tentu masalah kelewatan pembahagian pusaka yang merupakan faktor dalam isu harta beku ini tidak akan berlaku.

Oleh yang demikian, masalah ini perlu diberi perhatian yang lebih serius meskipun banyak cadangan penyelesaian yang telah diutarakan oleh pelbagai pihak bagi menanganinya. Namun keadaan ini masih belum dapat memberi kesedaran dan menyelesaikan secara keseluruhan masalah kelewatan permohonan pembahagian pusaka, khususnya bagi aset pusaka tak alih dalam kalangan orang Islam di Malaysia. Justeru, satu kajian lanjutan yang komprehensif berhubung penyelesaian masalah

kelewatan permohonan pembahagian aset pusaka tak alih orang Islam perlu diusahakan bagi mengisi kelompangan yang wujud dalam usaha melicinkan pengurusan pembahagian aset pusaka tak alih dengan mencari alternatif terbaik dan lebih fleksibel bagi mengatasi masalah ini (Bibi Nur Alida Zulkafli & Md Yazid Ahmad. 2016).

RUJUKAN

- Abdullah Muhamad. (2007). Ke Arah Penyelesaian harta Pusaka Kecil Yang Lebih Bersepadu Cekap Dan Cemerlang. Prosiding Konvensyen Perwarisan Harta Islam.
- Abdul Rashid R. & Yaakub N.I. (2010). Masalah Kegagalan Dan Kelewatan Pengagihan Harta Pusaka Di Malaysia. Jurnal Intelek.
- Ahmad M.Y. & Laludin H. (2010). Pengurusan Harta Pusaka: Permasalahan Sikap Masyarakat Islam Di Malaysia Dan Penyelesaiannya Menurut Perspektif Islam. Syariah Law Report
- Anon. 30 September (2005). RM471 Juta Harta Pusaka Masih Gagal Diagih. Utusan Malaysia.
- Azman Anuar. (2010). Terangilah Kehidupan Rakyat di Pedalaman. Utusan Melayu. Malaysia. 15 Mac.
- Bibi Nur Alida Zulkafli & Md Yazid Ahmad. (2016). Kekangan Dan Penyelesaian Kelewatan Pengurusan Aset Pusaka Tak Alih Orang Islam Di Malaysia. *Islamiyyat* 38(1).
- Buang A.H. (2009). Pengurusan Harta Keluarga Mengikut Islam Dan Realiti Semasa Di Malaysia. *Jurnal Muamalat* 2.
- Rusnadewi Abdul Rashid & Noor Inayah Yaakub. N.d. Masalah Kegagalan dan Kelewatan Pengagihan Harta Pusaka Di Malaysia". n.pl.
- Hasbah Bakar. (2006). Pengalaman Amanah Raya (ARB) Dalam Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam. *Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. p.143.
- Md Yusof N. (2008). Hukum Wisoyah Dan Realiti Permasalahannya Dalam Konteks Perancangan Pusaka Islam. *Jurnal Muamalat* 1.

- Md Yazid Ahmad, Nor Yani Isa & Anuar Fakhri Omar. (2014). Analysis of Heir Pre-Investigation Mechanism According to Syariah Perspective. *Mediterranean Journal of Social Science*.
- Md Yazid Ahmad & Hayatullah Laluddin. (2010). *Pengurusan Harta Pusaka: Permasalahan Sikap Masyarakat Islam Di Malaysia Dan Penyelesaiannya Menurut Perspektif Islam*. Syariah Law Report.
- Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang. (2006). *Undang-Undang Pusaka Islam: Pelaksanaannya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Syarikat Percetakan Putrajaya SDN BHD
- Muhamad A (2006). Isu-Isu Dan Masalah-Masalah Dalam Pengurusan Pembahagian Pusaka Kecil. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*. p. 359-373.
- Mujani M.K, Wan Hussain W.M.H., Yaakub N.I. & Abdul Rashid R. (2011). Construction of Failure Ad Delay Under Islamic Estate Management. *International Business Management*.
- Mujani M.K, Wan Hussain W.M.H., Yaakub N.I. & Abdul Rashid R. (2012). Gift Inter Vivos for Charged Property. *The Social Sciences*.
- Othman Yaacob. (2006). *Pengalaman Amanah Raya (ARB) Dalam Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam*. Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Wan Suraya Wan Hassin, Wan Shahzinda Shah Shahar & Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan (2016). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Harta Pusaka Beku Di Malaysia. *Proceeding of The 3rd International Conference on Management and Muamalat 2016*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Wan Harun W.A.H. (2010). *Penyelesaian Dan Pembahagian Harta Pusaka: Isu dan Masalah*. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*.

